

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 11/2023

## EDITORIAL BOARD

### **PATRON**

Prof. Dr. Yamin Yasin

### **COORDINATOR**

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

### **CHIEF EDITOR**

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### **EDITORIAL COMMITTEE**

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

October 2022 - February 2023

## **PENGARUH APLIKASI *TIKTOK* KEPADA GAYA HIDUP MASYARAKAT MALAYSIA**

Ditulis oleh: *Normaziah Abdul Rahman, Norhafiza Hashim, Rozianiwati Yusof, Sri Yusmawati Mohd Yunus, Nor Azlina Aziz Fadzillah.*

Perkembangan media massa kini banyak mempengaruhi gaya hidup masyarakat Malaysia. Kewujudan pelbagai platform media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *TikTok* dan sebagainya telah menjadikan tempat perkongsian maklumat, berubah daripada medium konvensional kepada dalam talian.

Mengikut data daripada Statistik Digital 2022, ia menunjukkan bahawa rakyat Malaysia menggunakan 15 platform media sosial yang berbeza. Daripada keseluruhan platform tersebut, aplikasi *TikTok* merupakan platform yang keenam paling banyak digunakan di Malaysia iaitu sebanyak 53.8% pengguna. Jumlah pengguna *TikTok* di Malaysia pada bulan Julai 2022 adalah seramai 17.20 juta orang, dan majoriti pengguna adalah golongan yang berusia 18 tahun ke atas (Digital 2022: Malaysia — DataReportal – Global Digital Insights, 2022). Berdasarkan statistik ini, dapat dilihat aplikasi *TikTok* menjadi pilihan utama rakyat Malaysia di dalam komunikasi dan perkongsian maklumat.

Beberapa faktor yang dikenalpasti mengapa aplikasi *TikTok* menjadi popular pada masa kini adalah:

### **Mudah Digunakan dan Lebih Menarik**

Berbanding dengan aplikasi media sosial yang lain, aplikasi *TikTok* lebih menarik dan mudah digunakan. Pengguna *TikTok* juga tidak perlu mempunyai kemahiran yang tinggi dalam pengeditan video kerana ia hanya bergantung kepada idea yang unik dan isi video yang menarik. Tambahan pula, video yang terdapat di aplikasi *TikTok* dapat dikongsi dengan sangat mudah.

### **Kepelbagaian Genre Video**

Video-video yang dikongsi di dalam aplikasi *TikTok* mengandungi pelbagai jenis genre. Antara genre video yang popular di aplikasi ini adalah genre pendidikan, hiburan, ilmiah dan motivasi. Ia menjadi perhatian bagi kebanyakan pengguna *TikTok* kerana ia bertemakan hiburan dan mempunyai bahasa yang ringkas, tetapi dalam masa yang sama, ia mempunyai mesej yang ingin disampaikan.

### **Penjana Pendapatan**

Aplikasi *TikTok* menyediakan ruang bagi pengguna untuk menjana pendapatan. Pengguna akan dibayar berdasarkan bilangan pengikut dan jumlah tontonan video

yang tinggi. Bagi menarik ramai pengikut, pemilik akaun *TikTok* perlu mempunyai isi kandungan video yang menarik dan unik supaya video menjadi tular dan sentiasa dipaparkan di ruang 'for your page' atau dikenali sebagai 'fyp'.

### **Medan berdakwah**

Aplikasi *TikTok* menjadi salah satu medan berdakwah oleh golongan pendakwah bagi menarik minat golongan muda dengan penggunaan bahasa yang ringkas dan mengikut trend terkini.

### **Sumber Ilmu Pengetahuan**

Aplikasi *TikTok* juga dijadikan tempat menimba ilmu daripada pelbagai bidang seperti akademik, perubatan serta kemahiran hidup seperti video memasak dan binatang peliharaan. Mereka yang berkongsi ilmu ini bukanlah terdiri orang biasa-biasa sahaja, malah terdapat juga pakar-pakar di dalam bidang tertentu serta mempunyai sijil kelayakan yang diiktiraf. Jadi, info yang disampaikan tidak perlu diragui dan disalahtafsirkan oleh orang ramai.

Aplikasi *TikTok* dilihat bukanlah sahaja menyajikan hiburan semata-mata malah ia menyediakan pelbagai informasi terkini dan memberikan banyak faedah kepada pengguna. Namun, ianya bergantung

kepada diri sendiri sama ada ingin mengambilnya dari sudut positif atau negatif. Jadi, sebagai pengguna, gunakanlah ia secara bijak dan berhemah.

Rujukan :

Digital 2022: Malaysia — DataReportal — Global Digital Insights. (2022).

<https://datareportal.com/reports/digital-2022-malaysia>

<https://datareportal.com/reports/digital-2022-global-overview-report>

Dilon, C. (2020). Tiktok Influences on Teenagers and Young Adults Students: The Common Usages of The Application Tiktok. <http://asrjetsjournal.org>

